

PM: Saya tidak punya kuasa

JITRA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak mempunyai kuasa untuk meletakkan jawatan semata-mata untuk menawarkan jawatan Perdana Menteri kepada Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah.

"Saya tidak mempunyai kuasa kerana saya sendiri dilantik oleh parti. Tanya pada Umno sama ada nak pilih beliau (Tengku Razaleigh). Hak saya hanya untuk melantik menteri.

"Saya juga tidak boleh meletakkan jawatan melainkan sebab tertentu, seperti kesihatan. Itupun sudah ada orang lain yang akan menggantikan saya," kata Perdana Menteri mengulas kenyataan Tengku Razaleigh.

Semalam, Tengku Razaleigh berkata, beliau menolak sebarang tawaran untuk menjadi menteri kanan dalam Kabinet, tetapi sedia menerima jawatan sebagai Perdana Menteri bagi memudahkannya menghidupkan Umno lama.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Tengku Razaleigh sepatutnya maruk Umno don bertanding semula.

Mengenai hasrat Tengku Razaleigh untuk berjumpa dengan beliau bagi mememukakan lapan usul kepada 46, Perdana Menteri berkata: "Kita sedia mengadakan pertemuan itu, tetapi agak berat nak terima usul macam itu."

Menjawab soalan, Perdana Menteri menjelaskan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan tidak menyambut ketibaannya di Kota Kinabalu untuk merasmikan Perhimpunan Agung Usno Khamis lalu, kerana beliau tidak ada di dalam negeri.

Mengenai lawatannya ke daerah Kubang Pasu hari ini, Perdana Menteri berkata, beliau berpuas hati kerana pembangunan di daerah berkenaan umumnya berjalan baik.